

KENYATAAN MEDIA

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

LAPORAN SIASATAN EAIC MENGENAI AKTIVITI PASPORT TERBANG ATAU *FLYING PASSPORT* DI TERMINAL 1, LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (KLIA)

UNTUK SIARAN SEGERA
19 JANUARI 2026

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah menjalankan siasatan berhubung dengan dakwaan aktiviti pasport terbang atau *flying passport* di Terminal 1, KLIA pada 2 Jun 2025. Siasatan ini dijalankan selaras dengan subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*].

HASIL SIASATAN

Hasil siasatan mendapati:

- (a) pegawai yang terlibat telah memasukkan (*key in*) butiran maklumat seorang penumpang masuk ke dalam Malaysia serta maklumat pasport penumpang tersebut di dalam sistem MyIMMs tanpa kehadiran penumpang berkenaan di kaunter semasa urusan dijalankan; dan
- (b) tindakan pegawai tersebut tidak mematuhi garis panduan dalam Sistem Pengurusan Kualiti Jabatan Imigresen Malaysia, Prosedur/ Garis Panduan Jabatan Imigresen Malaysia PK(0)IM.H.03-02 yang telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah Imigresen dan merupakan suatu salah laku di bawah perenggan 24(1)(f) Akta 700.

SYOR

EAIC memutuskan untuk merujuk hasil siasatan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib JIM dengan syor agar tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai yang terbabit atas kesalahan tatatertib di bawah perenggan 4(2)(f) kerana berkelakuan tidak jujur atau tidak amanah dan perenggan 4(2)(g) iaitu tidak bertanggungjawab sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**